

SEKTOR PERKHIDMATAN BERKAITAN GUAMAN

Merangkumi semua firma guaman bagi conveyancing dan korporat. Skop berkaitan dengan litigasi adalah tertakluk kepada arahan Kerajaan supaya Mahkamah mula beroperasi.

Semua aktiviti dibenarkan kecuali yang tersenarai dalam senarai aktiviti yang dilarang.

Merangkumi

Arahan tetap adalah tertakluk kepada peraturan kesihatan dan peraturan pihak berkuasa tempatan yang berkuatkuasa. Operasi di kawasan PKPD tidak dibenarkan.

WAKTU BEROPERASI

6 jam sekiranya Pejabat Kerajaan yang berkenaan dan Mahkamah masih ditutup dan 8 jam sekiranya Pejabat Kerajaan yang berkenaan dan Mahkamah dibuka semula.



WAKTU KEHADIRAN PELANGGAN DAN KAPASITI PEKERJA

Tertakluk kepada arahan oleh Majlis Peguam

20-30% sekiranya Mahkamah masih ditutup dan 100% apabila dibuka.

AKTIVITI + PROTOKOL: PINDAAN BAR CIRCULAR

Majlis Peguam Malaysia, Pertubuhan Undang-Undang Sabah dan Persatuan Peguam Bela Sarawak hendaklah meminda Bar Circular yang telah dikeluarkan sepanjang tempoh PKP supaya selaras dengan dasar Kerajaan yang terkini termasuk SOP KKM



AKTIVITI + PROTOKOL: KEHADIRAN PEKERJA KE PREMIS FIRMA GUAMAN

Saringan suhu badan perlu dilakukan setiap hari di pintu masuk premis.

Pekerja yang tidak sihat atau dengan suhu badan 37.5 darjah celsius dan ke atas, atau yang berada di bawah pemerhatian KKM tidak dibenarkan hadir..


AKTIVITI + PROTOKOL: REKOD KEHADIRAN PEKERJA

Kehadiran pekerja direkodkan dalam daftar khas yang mengandungi butiran nama, no. kad pengenalan, suhu badan, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod ini hendaklah disimpan untuk tempoh minima 6 bulan dari tarikh tamat tempoh PKP.



AKTIVITI + PROTOKOL: PERJUMPAAN/TRANSAKSI DENGAN ANAK GUAM DALAM PREMIS FIRMA GUAMAN

Kehadiran anak guam direkodkan dalam daftar khas yang mengandungi butiran nama, no. kad pengenalan, suhu badan, waktu masuk, tandatangan masuk, waktu keluar dan tandatangan keluar. Rekod ini hendaklah disimpan untuk tempoh minima 6 bulan dari tarikh tamat tempoh PKP.




AKTIVITI + PROTOKOL: PENJARAKAN SOSIAL

Memastikan penjarakan sosial 1 meter semasa berada di premis.

AKTIVITI + PROTOKOL: PENGGUNAAN HAND SANITIZER

Menyediakan *hand sanitizer* atau kawasan mencuci tangan dengan sabun



AKTIVITI + PROTOKOL: PENGGUNAAN FACE MASK

Menyediakan *face mask* untuk kegunaan pekerja

Setiap kakitangan berurusan dengan pelanggan perlu memakai topeng muka..

AKTIVITI + PROTOKOL: NOTIS LANGKAH KESIHATAN AWAM DI PINTU HADAPAN FIRMA GUAMAN

Menyediakan notis berhubung dengan *social distancing*, penggunaan *hand sanitizer*, *face mask* dan sebagainya.



AKTIVITI + PROTOKOL: PEMBERSIHAN DAN SANITASI

Menggunakan cecair pencuci yang sesuai.